

15/12/2000

Pembangkang ada niat jahat: Dr M

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan parti pembangkang menggunakan taktik `ala intifada' adalah untuk memberi gambaran kononnya kerajaan melakukan kekejaman terhadap rakyat.

"Saya tahu tujuan mereka. Tak lama lagi mereka mula baling batu ... samakan keadaan di Israel.

"Mereka cuba kaitkan pemberontakan rakyat Palestin terhadap kezaliman Israel. Dia nak bayangkan kita (kerajaan) sama zalim dengan Yahudi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini, untuk menghadiri majlis berbuka puasa di kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Dr Mahathir ditanya mengenai kekerapan perhimpunan dan tunjuk perasaan oleh penyokong parti pembangkang yang dikatakan mempunyai persamaan dengan intifada oleh penduduk Palestin menentang kekejaman kerajaan Israel.

Perdana Menteri berkata, jika berlaku ia akan memburukkan lagi keadaan kerana Pas dan Keadilan sememangnya menuduh kerajaan zalim.

Menurutnya, selepas berlaku sedemikian akhbar asing pula melaporkan kononnya negara tidak stabil akibat pemberontakan rakyat untuk menjatuhkan kerajaan.

"Pelancong tak datang, pelabur tak datang ... inilah yang ingin dilihat parti lawan," katanya.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai tindakan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) memberi kata dua kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) menarik balik tuntutan 17 tajuk yang mungkin menyebabkan pertembungan dan menjejaskan perpaduan rakyat pelbagai kaum.

"Ini memang sesuatu yang boleh diduga kerana apabila satu pihak buat tuntutan tentulah pihak yang lain ada tuntutan yang lain pula.

"Ini yang kita nak elak bila kita kata jangan buat tuntutan macam itu. Kita sudah pupuk persefahaman antara kaum kepada kefahaman asas masa kita merdeka.

"Apabila kita tolak apa yang telah kita persetujui, tak dapat tidak pihak yang lain pula akan menolak. Dengan itu akan berlakulah ketegangan antara kaum," katanya.

Perdana Menteri mengulangi kesukaran negara pelbagai kaum untuk menjalin hubungan baik tetapi Malaysia berjaya melaksanakannya berbanding negara lain yang kerap berlaku pergaduhan.

Katanya, negara berjaya menjalinkan hubungan baik di kalangan pelbagai kaum selepas 43 tahun merdeka tetapi apabila ada pihak yang kononnya tidak terbabit dalam politik membuat tuntutan perpecahan boleh berlaku.

"Walaupun tak terlibat politik, mereka juga mengambil bahagian dalam kempen politik. Benda semacam ini tak payah dibuat.

"Kita rugi dengan membuat tuntutan tak bertanggungjawab dan tiba-tiba kerja (memujuk perpaduan) selama 43 tahun menjadi sia-sia," katanya.

Sementara itu, berucap di majlis berbuka puasa di Masjid Felda Bukit Tinggi, dekat Bukit Kayu Hitam, Dr Mahathir berkata, tindakan sesetengah pihak menyampaikan tazkirah selepas empat rakaat solat sunat terawih untuk memfitnah orang lain amat menyedihkan.

Perdana Menteri yang menyifatkan tindakan itu sebagai tidak mengikut landasan Islam sebenar, berkata perkara itu tidak harus berlaku kerana solat terawih pada hakikatnya perlu digunakan untuk menyatupadukan umat

Islam.

Dr Mahathir berkata, umat Islam tidak seharusnya menggunakan solat berkenaan semata-mata atas dasar ingin memperjuangkan kepentingan politik pihak tertentu.

"Amat menyedihkan ada pihak menggunakan waktu terawih untuk memberikan syarahan yang tidak ada kaitan dengan Islam. Mereka berhenti pada empat rakaat untuk menyampaikan tazkirah dengan ucapan berbentuk politik untuk memfitnah orang lain.

"Saya harap orang seperti ini tidak muncul di sini. Saya harap, kita dapat menunaikan solat terawih dengan sempurna di sini," katanya.

(END)